



SURAT SETUJU TERIMA

MPC.100-14/1/23

17 Ogos 2022

AWIND ENTERPRISE

No. 10, GF Jln Perniagaan Seri Bertam
Pusat Perniagaan Seri Bertam
13200 Kepala Batas, Pulau Pinang
(U/P: En. Azlyali bin Abdul Aziz)

Tuan,

PELANTIKAN PEMBEKAL BAGI PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KAWASAN LUAR PEJABAT (LANDSKAP) DI PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) WILAYAH UTARA, PULAU PINANG

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju melantik AWIND ENTERPRISE bagi melaksanakan Perkhidmatan Penyelenggaraan Kawasan Luar Pejabat (Landskap) di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Utara, Pulau Pinang dengan nilai kontrak sebanyak **Ringgit Malaysia Dua Ratus Tiga Puluh Lapan Ribu Tujuh Ratus Empat sahaja (RM 238,704.00)**.

2. Dengan pengakuan penerimaan Surat ini, suatu kontrak yang mengikat terbentuk antara Kerajaan dengan syarikat tuan. Jadual di bawah adalah jadual pembayaran sebagai rujukan:

Jadual Pembayaran:

Bil.	PERKARA	TEMPOH	KADAR SEBULAN	JUMLAH KESELURUHAN
1.	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kawasan Luar Pejabat (Landskap) Di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Utara, Pulau Pinang (Tempoh: 1 Oktober 2022 – 30 September 2024)	24 Bulan / 2 Tahun	RM9,946.00	RM 238,704.00

3. Satu kontrak rasmi akan disempurnakan oleh pihak tuan dengan memasukkan terma-terma sebut harga. Pihak tuan haruslah memberikan dua salinan asal yang dimatikan setem kepada pihak MPC. Tempoh perkhidmatan adalah selama **24 bulan bermula pada 1 Oktober 2022 sehingga 30 September 2024**.

4. Apa-apa kegagalan dalam memenuhi kehendak di perenggan 3 dalam tempoh **120 (4 bulan)** dari tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan, boleh mengakibatkan surat ini terbatal dan pihak MPC tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggung terhadap syarikat tuan melainkan jika penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi perkhidmatan ini yang perlu dibuat dengan segera atau serta – merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

5. Adalah dimaklumkan bahawa tiada pembekalan perkhidmatan boleh dibuat melainkan jika syarikat tuan telah mengemukakan kepada MPC suatu bon pelaksanaan yang tidak boleh dibatalkan yang berjumlah **Ringgit Malaysia Dua Ribu Sembilan Ratus Lapan Puluh Tiga dan Lapan Puluh Sen sahaja (RM 2,983.80)**.

6. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan. Pihak tuan juga dikehendaki membekalkan perkhidmatan seperti yang telah dinyatakan di dalam spesifikasi teknikal sebut harga. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Denda/ Tolakan/ Liquidated & Ascertained Damages (LAD).

7. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa Kerajaan berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- a. Syarikat tuan gagal mematuhi terma di perenggan 3 - 5 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- b. Syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;
- c. Syarikat tuan telah membuat salah nyataan (misrepresentation) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- d. Syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- e. Syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- f. Syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu;
- g. Syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan seperti di Lampiran A;

- h. Syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen sebut harga;
- i. Syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- j. Syarikat tuan digulungkan;
- k. Syarikat tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- l. Syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau Service Level Agreement;
- m. Syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa;atau
- n. Terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

8. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 6, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.

9. Bersama-sama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dan Surat Akuan Sumpah Syarikat seperti di **Lampiran B** dan **Lampiran C** untuk ditandatangani oleh syarikat tuan dan dikembalikan bersama-sama dengan Surat ini.

10. Surat ini dihantar kepada syarikat tuan dalam tiga (3) salinan. Sila kembalikan ke pejabat ini salinan asal dan kedua berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat tuan dan saksi syarikat tuan tidak melebihi 14 hari dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa jua bertanggungjawab terhadap syarikat tuan.


Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN YANG BERKAITAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah MPC.100-14/1/23 bertarikh 17 Ogos 2022 dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung Surat ini telah dikenakan.

Tandatangan Pembekal

Nama Penuh: AKLYALI BIN ABDUL AZIZ

No. Kad Pengenalan: 730308-07-6581

Alamat:

AWIND ENTERPRISE

(199803075118/PG0051342-M)

No.10, GF Jln Perniagaan Seri Bertam

Pusat Perniagaan Seri Bertam

13200 Kepala Batas, Pulau Pinang

Tarikh: 17 Ogos 2022

Tandatangan Saksi

Nama Penuh: NGA SYAHILA BINI ANHAD

No. Kad Pengenalan: 940502-07-5182

Alamat:

AWIND ENTERPRISE

(199803075118/PG0051342-M)

No.10, GF Jln Perniagaan Seri Bertam

Pusat Perniagaan Seri Bertam

13200 Kepala Batas, Pulau Pinang

Tarikh: 17 Ogos 2022

Meterai atau Cop Perunding



Tarikh: 17 Ogos 2022

**potong mana yang tidak berkenaan*

**PELANTIKAN PEMBEKAL BAGI PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN
KAWASAN LUAR PEJABAT (LANDSKAP) DI PERBADANAN PRODUKTIVITI
MALAYSIA (MPC) WILAYAH UTARA, PULAU PINANG**

1. Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Pendaftaran Koperasi Dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan)

1.1 No. Pendaftaran : 199803045118 (PG0051342-M)

1.2 Tempoh Sah Laku : 01 JANUARI 2022 - 31 FEBRUARI 2023

2. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berdaftar)

2.1 No. Pendaftaran : 354-02229261

2.2 Tempoh Sah Laku : 20/02/2021 - 22/04/2024

2.3 Kod Bidang : 221002

2.4 Taraf Syarikat : BUMIPUTERA

2.5 Tempoh Sah Laku Taraf Bumiputera : 20/02/2021 - 22/04/2024

3. Harga dan Tempoh Kontrak

3.1 Harga Kontrak : RM 238,704.00

3.2 Tempoh Kontrak : 24 Bulan / 2 Tahun

3.3 Tarikh Mula Kontrak : 1 Oktober 2022

3.4 Tarikh Akhir Kontrak : 30 September 2024

Tempoh dan Jadual Penyempurnaan Perkhidmatan

*Senara item, kuantiti, jenis perkhidmatan dan/atau tempoh serta jadual penyempurnaan perkhidmatan yang ditetapkan seperti di **Lampiran A2**

**Lampiran A2 (Jadual spesifikasi dalam dokumen Sebutharga) adalah untuk menyatakan tempoh atau jadual pembekalan mengikut tawaran syarikat – untuk tindakan MPC*

4. Bon Pelaksanaan

(*diisi oleh MPC)

4.1 Kadar Bon Pelaksanaan : 2.5% (berdasarkan anggaran nilai satu tahun RM 119,352.00)

4.2 Formula Bon Pelaksanaan : RM 119,352.00 x 2.5%

4.3 Nilai Bon Pelaksanaan : RM 2,983.80

4.4 Bentuk Bon Pelaksanaan : Jaminan Bank/ Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad; atau Jaminan Syarikat Kewangan; atau Jaminan Insurans/ Takaful

4.5 Tempoh Sah Laku

• Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau tarikh obligasi terakhir mengikut mana yang terkemudian

5. **Kenaan *Denda/ Tolakan/ Liquidated & Ascertained Damages (LAD)** (Lewat/Gagal bekal barang atau tidak menepati spesifikasi)

Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan bekalan/ perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada Kerajaan dengan menggunakan formula berikut:

5.1 Formula : $(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})$

Atau Ganti Rugi seperti yang telah dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga.

LAMPIRAN A2

Bil.	PERKARA	TEMPOH	KADAR SEBULAN	JUMLAH KESELURUHAN
1.	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kawasan Luar Pejabat (Landskap) Di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Utara, Pulau Pinang (Tempoh: 1 Oktober 2022 – 30 September 2024)	24 Bulan / 2 Tahun	RM9,946.00	RM 238,704.00

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KAWASAN LUAR PEJABAT
(LANDSKAP) DI PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) WILAYAH
UTARA, PULAU PINANG**

Saya, AKYALI BIN ABOL nombor K.P. 730308-04-5581 yang mewakili AWIND ENTERPRISE (nama syarikat) nombor pendaftaran (*MOF/CIDB/SSM) P60051342-M dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MPC atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam *sebut harga/tender seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MPC (nama kementerian/agensi) atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan *sebut harga/tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi *sebut harga/tender di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi *sebut harga/tender di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan *sebut harga/tender seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,



(Nama dan No. KP Cop Syarikat :

AKYALI BIN ABOL AKLY
730308-04-5581

Catatan:



- i) * Potong mana yang tidak berkenaan
- ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT

Saya ADLYALI BIN ABDUL AZIZ nombor kad pengenalan Y30308-04-5581 yang mewakili syarikat AWIND ENTERPRISE nombor pendaftaran P60051342-M (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (a) syarikat **TIDAK** membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (b) syarikat **TIDAK** membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (c) syarikat **TIDAK** terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- (d) syarikat/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah **TIDAK** disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia; dan
- (e) syarikat **TIDAK** digulungan.

Sekiranya pada bila-bila masa, dibuktikan bahawa pengisytiharan perenggan diatas adalah tidak benar, Kerajaan berhak menarik balik tawaran kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat bagi projek ini.

Dan saya membuat Surat Akuan Bersumpah ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut didalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan)
sebenar-benarnya diakui oleh)
ADLYALI BIN ABDUL AZIZ)
di PERAI PULAU PINANG)
pada 12 SEP 2022)

Tandatangan.....

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah



Catatan:

- i. *Potong mana yang tidak berkenaan.
- ii. Surat akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran MOF/CIDB.

No 2788, Jalan Chain Ferry,
Taman Inderawasih, 13600,
Perai, Pulau Pinang